

Berek, kediaman polis dibaik pulih

➔ Inisiatif bukti keprihatinan kerajaan terhadap anggota, keluarga

Oleh Rohaniza Idris dan Fazrik Kamarudin
bhnews@bh.com.my

➔ Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, semua kediaman dan berek polis dinaik taraf dan dibaik pulih bagi memastikan ia menepati Dasar Perumahan Negara 2.0.

Timbalan Perdana Menteri berkata, sejumlah RM13 juta diperuntukkan sebagai permulaan untuk membaik pulih dan menaik taraf 15 blok di Briged Tengah Pasukan Gerakan Am (PGA) di Cheras.

Katanya, usaha menaik taraf dan membaik pulih itu melambangkan keprihatinan kerajaan

kepada anggota polis serta keluarga mereka.

"Kita mahu anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan keluarga masing-masing berada dalam keadaan baik kerana mereka adalah barisan hadapan keselamatan dalam negara," katanya pada sidang media selepas melawat markas PGA Cheras, di sini, semalam.

Yang turut mengiringi beliau ialah Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun.

Yang hadir sama, Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Dalam Negeri (KDN), Datuk Seri Alwi Ibrahim dan KSU Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Se-



FOTO MOHAMAD SHAHRI BADRI SAALI/BH

Ahmad Zahid bersama Noh dan Mohamad Fuzi (tiga dari kanan) melepaskan peserta PDRM Night Run 2018 di Lobi Utama Maktab Polis Diraja Malaysia, Cheras, semalam.

Fakta nombor

RM13 JUTA

diperuntukkan sebagai permulaan baik pulih dan menaik taraf 15 blok di Briged Tengah Pasukan Gerakan Am (PGA) di Cheras

ri Mohammad Mentek.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Dalam Negeri, sudah meminta Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA), Datuk Seri Zulkifli Abdullah melihat semua PGA yang memerlukan penambahbaikan untuk kerajaan menyalurkan peruntukan khas.

Berek tidak mencukupi

Katanya, KDN juga sudah memohon peruntukan bagi membolehkan lebih banyak kediaman anggota polis dinaik taraf.

"Berek sedia ada memang tidak mencukupi. Kita ada lebih 130,000 anggota, tetapi bilangan berek tidak mencapai jumlah itu.

"Menerusi peruntukan tambahan, proses penambahbaikan akan di-

buat secara berperingkat," katanya.

Ahmad Zahid berkata, keutamaannya adalah menaik taraf berek yang mempunyai dua bilik menjadi tiga bilik.

Pada masa sama, katanya, KDN turut memohon peruntukan khas bagi kemudahan asas lain seperti rumah ibadat, tempat rekreasi dan dewan di kawasan kediaman anggota polis.

Beliau turut mengumumkan sebuah Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) akan dibuka di Bagan Datuk dengan keutamaan kepada anak anggota polis.

"MRSM itu akan menjadi sekolah ulul albab yang mengutamakan pengajian al-Quran dan hafazan kerana kita mahu melahirkan profesional yang boleh menghafal al-Quran," katanya.

PDRM, JBPM perkukuh kerjasama siasat kebakaran

Kuala Lumpur: Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mengambil langkah mengukuhkan kerjasama dan memantapkan koordinasi dalam bidang penyiasatan kebakaran.

Matlamat itu direalisasikan menerusi pemeteraian Nota Kerjasama di antara dua agensi itu di sini, hari ini.

Pemeteraian Nota Kerjasama yang bakal menyaksikan peranan dan tanggungjawab PDRM dan JBPM dapat difahami dengan lebih jelas khususnya dalam penyiasatan kebakaran itu disempurnakan oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri

Mohamad Fuzi Harun, dan Ketua Pengarah JBPM, Datuk Seri Wan Mohd Nor Ibrahim.

Yang turut hadir menyaksikan majlis itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar.

Elak pertindihan tugas

Ahmad Zahid, dalam ucapannya, berkata kerjasama polis dan Jabatan Bomba dan Penyelamat itu akan memberikan impak kepada keberhasilan dalam kes kebakaran yang ada unsur jenayah.

Katanya, selain mengelakkan



JBPM mempunyai kepakaran dalam menjalankan penyiasatan kebakaran, mereka akan memaklumkan kepada PDRM sekiranya wujud sebarang perbuatan berunsurkan jenayah"

Noh Omar, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

pertindihan tugas dan menjimatkan masa, nota kerjasama itu menjadikan siasatan kebakaran yang konklusif dan tidak timbul 'tarik tali' dalam isu kuasa.

"Ini Strategi Lautan Biru (NBOS) yang terbaik antara agensi penguatkuasaan dan diharap selepas ini wujud lagi kerjasama dalam bidang lain seperti bantuan bencana banjir, tanah runtuh dan kemalangan," katanya.

Sementara itu, Noh berkata segala perbezaan objektif dan tujuan bagi kedua-dua agensi dijadikan satu titik pertemuan bagi meningkatkan keberkesanan penyiasatan kebakaran.

"JBPM mempunyai kepakaran dalam menjalankan penyiasatan kebakaran, mereka kemudian akan memaklumkan kepada PDRM sekiranya wujud sebarang perbuatan berunsurkan jenayah.

"Laporan penyiasatan kebakaran bagi kes sengaja dibakar ini akan diserahkan kepada PDRM bersama bahan bukti dan barang kes bagi tindakan selanjutnya.

"Sehubungan itu, adalah menjadi hasrat Nota Kerjasama ini untuk mengkoordinasikan tindakan, supaya tidak berlaku pertindihan dan kerja berulang atas perkara yang sama," katanya.